

# Model Penghayatan Solat Berasaskan Kaedah Tafakur

## Prayer Apreciation Model Based on Islamic Contemplation Method

Hamdi Rahman, M.Y. (Pengarang Penghubung)

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak, 32610,  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Tel: +6013-5848779 E-mel: hamdiyaacob@gmail.com

Mazlah, Y.

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak, 32610,  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Tel: +6019-5595886 E-mel: mazla535@perak.uitm.edu.my

Masthurhah, I.

Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak, 32610,  
Bandar Baru Seri Iskandar, Perak, Malaysia  
Tel: +6013-5848779 E-mel: masth080@ perak.uitm.edu.my

### Abstrak

Kesempurnaan pelaksanaan solat melibatkan kesempurnaan keseluruhan sifat-sifat solat sama ada dari aspek fizikal mahupun spiritual. Penekanan yang lebih menjurus kepada aspek fizikal dalam pendidikan solat hari ini hanya merupakan sebahagian daripada pelaksanaan tanggungjawab bagi mewujudkan umat yang mendirikan solat. Kajian ini bertujuan membangunkan aspek spiritual dalam pelaksanaan solat dengan mencadangkan sebuah model penghayatan solat yang praktikal, mudah difahami dan dilaksanakan iaitu melalui pengaplikasian kaedah tafakur Islam. Model ini dibina bermula dengan mengenalpasti makna-makna yang dikemukakan oleh ulama silam berhubung rukun-rukun solat sama ada dari aspek bacaan dan perbuatan solat, berasaskan metod kajian perbandingan, iaitu bagi mengenalpasti emosi yang terlibat. Seterusnya setiap emosi terlibat akan diadaptasi ke dalam struktur pola tafakur yang telah dikenalpasti bagi menjelaskan bagaimanakah emosi tersebut boleh dibangkitkan ketika melaksanakan setiap rukun tersebut untuk melahirkan khusyuk.

**Katakunci:** Solat, Tafakur, Spiritual, Emosi, Khusyuk

### Abstract

Perfection of prayer involves performing and fulfilling physical and spiritual aspects of the prayer properly. However, the teaching of prayer nowadays emphasizes more on the physical than the spiritual aspect. This study focuses on developing the spiritual aspect of prayer by proposing a practical model known as Islamic Contemplation Method. The model aims to attain full prayer appreciation (*khusyuk*) by identifying the meanings related to the different prayer rituals or steps stated by the earlier Islamic scholars. The meanings will be analyzed based on comparative study method to discover the emotions triggered for each significant step. The emotions identified will be adapted in the model to explain how emotions can be raised during the implementation of each prayer step which eventually leads to *khusyuk* or complete submission to Allah.

**Keywords:** Prayer, Contemplation, Spiritual, Emotion, Concentration

### Pendahuluan

Mendirikan solat adalah lambang penyerahan diri kepada Allah (s.w.t) dan khusyuk merupakan

ruhnya. Bagaimanapun, merujuk kepada kurikulum pendidikan Islam daripada peringkat rendah hingga ke peringkat menengah, hanya terdapat satu bab kecil berkenaan kaedah memperolehi khusyuk dengan perbicaraan sepintas lalu untuk pelajar tingkatan satu. Seterusnya tiada lagi pendidikan formal untuk mereka hingga ke peringkat pengajian tinggi. Keseluruhan pendidikan berkaitan solat lebih melibatkan kefahaman konsep serta pembinaan struktur luaran solat, merangkumi pelaksanaan rukun dan sunat yang sempurna. Namun apabila sampai kepada peringkat paling kritikal dalam solat bagi mengisinya dengan “perisian” khusyuk, ianya diserahkan kepada keupayaan kendiri setiap individu itu sendiri. Ini hakikatnya bertentangan dengan kepentingan khusyuk sebagai ilmu terpenting dalam Islam yang termasuk dalam ilmu bermanfaat iaitu ilmu yang melibatkan pembentukan hati sebagai wadah untuk memperolehi hidayah Allah (s.w.t) (Ibn Rajab, t.t.) di samping berperanan dalam pembangunan masyarakat. Saidina Ali RA dalam mentafsirkan maksud mereka yang khusyuk dalam surah al-Mukminun menjelaskan: “Khusyuk adalah di hati, iaitu engkau menyantun sisi dirimu kepada orang Islam dan tidak berpaling kiri dan kanan” (Ibn Taymiyah, 1993). Maka benarlah sabda Rasulullah SAW bahawa khusyuk merupakan ilmu terawal yang akan diangkat oleh Allah (s.w.t) (Al-Bani, 2003).

Bagi melahirkan rasa khusyuk, seseorang perlu membina pelbagai bentuk emosi bermula dengan menghadirkan hati, memahami makna-makna, mengagungkan Allah (s.w.t), takut, mengharap serta malu padaNya (al-Ghazali, t.t.). Ini kerana sesuatu perbuatan yang dilakukan tanpa emosi adalah tidak bermakna. Justeru amalan bertafakur dalam pelaksanaan solat dilihat sebagai mekanisma penting bagi melahirkan emosi-emosi tersebut lantaran ilmu yang berhasil dari ibadat tafakur berupaya membentuk kesedaran tertentu dalam diri seseorang dalam bentuk emosi-emosi berkaitan (Al-Ghazali, t.t.).

## Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kajian dokumen iaitu salah satu kaedah kajian dalam pengumpulan maklumat. Data-data berkaitan amalan dalam solat dikumpul daripada karya ulama silam dan juga ulama terkemudian. Rujukan kepada karya ulama silam bertujuan mengenalpasti keaslian pemikiran dalam kefahaman berkaitan ibadah solat di samping karya ulama terkemudian bagi memperolehi keputusan berotoriti sekiranya berlaku perbezaan pandangan. Karya berhubung penafsiran al-Quran ialah karya terbanyak yang dirujuk. Ini kerana sebahagian besar penghayatan kepada pelaksanaan solat melibatkan kefahaman berhubung maksud surah al-Fatiyah. Sebanyak enam belas kitab tafsir dirujuk bagi mewakil kaedah-kaedah penafsiran berasaskan nas, penafsiran berasaskan makna bahasa, penafsiran sufistik dan penafsiran moden bagi memberikan gambaran lengkap dan komprehensif. Selain itu data-data juga dikumpul daripada karya-karya khusus berkaitan penghayatan solat bagi memperolehi makna bagi amalan-amalan solat selain surah al-Fatiyah. Bagaimanapun tidak banyak karya begini ditemui di mana kebanyakannya lebih menjurus kepada amalan yang tidak berkaitan dengan makna perbuatan.

Dalam kaedah ini pandangan ulama dan kefahaman mereka di analisa berasaskan kaedah perbandingan bagi membuat pemilihan sekiranya wujud pandangan berbeza yang tidak boleh dipertemukan. Objektifnya ialah untuk mengetengahkan pandangan yang mudah difahami oleh tingkat pemikiran masyarakat moden serta mudah dilaksanakan. Sekiranya proses kompromi boleh dilaksanakan, kaedah eksplorasi sinkronik akan digunakan dengan menggabungkan pandangan-pandangan tersebut bagi memberi gambaran yang lebih luas kepada makna-makna amalan dalam solat.

Seterusnya maklumat yang diperolehi dari kefahaman ulama tersebut akan diuji beberapa kali melalui pelaksanaan solat untuk

disesuaikan dengan teknik tafakur. Ujian ini dilakukan bagi mengenalpasti emosi yang sebaiknya terlibat dalam penghayatan setiap amalan dalam solat tersebut. Ianya bertujuan membuka jalan bagi mengenalpasti teori mengenai sifat Allah (s.w.t) yang berkaitan, dan juga mengenalpasti realiti diri sendiri bagi melengkapkan kitaran bertafakur. Ia juga mengambil kira kesinambungan antara suatu penghayatan dengan penghayatan sebelumnya bagi melahirkan kesinambungan emosi untuk memudahkan penghayatan amalan seterusnya.

### Aplikasi Tafakur dalam Islam

Imam al-Ghazali (t.t) menggambarkan diri manusia seperti sebuah struktur organisasi yang terbina berdasarkan hubungan hierarki antara tiga elemen kecerdasan. Dalam struktur tersebut beliau meletakkan elemen kecedasan intelek pada hierarki tertinggi iaitu sebagai penasihat yang berfungsi menyajikan hikmah-hikmah yang terjana melalui pencerahan akal budi berpandukan cahaya syariah. Di bawahnya pula terletak elemen kecerdasan regulasi kendiri yang dinamakan sebagai daya adil untuk memimpin berdasarkan hikmah yang diterima dari penasihatnya. Seterusnya pada hierarki terakhir terletak kecerdasan emosi yang terbahagi kepada dua sub elemen iaitu daya marah dan daya syahwat, yang berfungsi menurut arahan daya adil untuk menghasilkan motivasi tertentu yang menyemarakkan hati seterusnya membentuk akhlak serta mendorong kepada aktiviti luaran.

Dalam struktur tersebut, syariah merupakan elemen asas kepada proses tersebut. Ini kerana, kedua-dua elemen iaitu daya intelek dan daya motivasi hanya akan mencapai kesempurnaan setelah penjanaannya menjurus kepada mentauhidkan Allah, sama ada dalam bentuk ilmu melalui fungsi daya intelek, atau dalam bentuk amal soleh melalui fungsi daya motivasi (Ibn Taymiyah, 1995).


Justeru itu amalan bertafakur diiktiraf sebagai antara ibadat teragung dalam Islam (Malik,

2000). Perkataan tafakur menurut bahasa merujuk kepada proses berfikir mempertemukan antara dua data untuk menghasilkan data ketiga (Malik, 2000). Hubungan antara ibadah tafakur dengan fungsi jiwa di atas, merujuk kepada keseluruhan proses tafakur yang melibatkan empat dimensi kesedaran (Rajah 1). Pertama, untuk memenuhi keperluan memperolehi data yang diperlukan bagi membina teori syarak berhubung objek tafakur (Malik, 2000). Penghasilan data ini melibatkan fungsi kedua-dua elemen daya intelek dan daya motivasi untuk menghadirkan makrifatullah iaitu ilmu berkaitan Allah (s.w.t). Makrifatullah hakikatnya merupakan hikmah yang terjana melalui interaksi daya intelek dengan isi kandungan syariah (Al-Ghazali, t.t). Secara tabiinya apabila ilmu sebegini memenuhi jiwa, interaksinya dengan daya motivasi pula akan mengubah kedudukan hati (Al-Ghazali, t.t) dan membawa kepada pembentukan kesedaran emosi tertentu yang dikenali sebagai kesedaran spritual kognitif (Malik, 2000).

Dimensi kedua ialah proses membina persepsi berhubung objek tafakur (Malik, 2000). Persepsi ini terhasil dari interaksi daya intelek dengan objek tafakur melalui penelitian terhadap ciri-ciri tertentu objek tersebut. Sebagaimana berlaku di dalam dimensi pertama, ilmu dan kefahaman terhadap objek tafakur juga akan mempengaruhi kesedaran emosi serta penghayatan seseorang ke atas objek tersebut.

Seterusnya dalam dimensi ketiga, iaitu pelaksanaan tafakur sebenar, dilaksanakan melalui fungsi daya intelek menghubungkait antara dua kesedaran emosi yang dibangunkan secara berasingan dalam dua dimensi berfikir sebelumnya, iaitu antara ilmu terhadap Allah dan ilmu berkaitan objek tafakur. Aplikasi ini seterusnya akan membawa kepada penemuan ilmu baru berhubung sifat dan perbuatan Allah (s.w.t) yang terserlah dari objek tafakur tersebut. Manakala interaksinya dengan elemen daya motivasi akan membentuk emosi baru pada tingkat kesedaran spritual kognitif yang lebih tinggi dalam diri seseorang (Malik, 2000).

Ilmu yang membawa tingkat kesedaran lebih tinggi ini pula seterusnya akan digunakan dalam kitaran tafakur yang baru dengan penjanaan tingkat kesedaran kognitif yang lebih tinggi dari sebelumnya hingga seseorang ahli ibadah berjaya mencapai dimensi keempat yang diistilahkan sebagai *syuhud*. Apa yang lebih menarik ialah wujudnya hubungan dualistik saling mempengaruhi antara aktiviti spiritual dan aktiviti fizikal, yang akan menterjemahkan emosi yang berlaku kepada aktiviti luaran sama ada dalam bentuk kata-kata atau perbuatan, dan begitu juga sebaliknya (Al-Ghazali, t.t). Begitulah proses seterusnya, seseorang ahli ibadat mendaki tingkat iman yang tiada penghujungnya



Rajah 1 : Kaedah Pelaksanaan Tafakur (Sumber : Hamdi Rahman et al., 2012)


Kesimpulannya, penjelasan di atas menunjukkan bahawa ibadah tafakur merupakan aktiviti berfikir yang tersusun secara tertentu, dilaksanakan dengan menuruti gerakan tabii fungsi jiwa manusia bagi menerbitkan emosi tertentu dalam membina hubungan manusia dengan Allah (s.w.t).

## Hasil dan Perbincangan

Menelusuri proses tafakur, model penghayatan solat berasaskan kaedah tafakur, boleh

dikenalpasti secara berfikir ke belakang dengan mengambilkira makna bacaan dan makna perbuatan di dalam solat untuk dijadikan petunjuk kepada bentuk emosi yang terlibat dan kemudiannya bergerak ke belakang bagi mengenalpasti pula teori berkaitan Allah yang bersesuaian serta juga ciri-ciri dan realiti objek tafakur untuk dikaitkan dengan teori tersebut (Rajah 2).

Peringkat 4 : Pencerahan Jiwa (Akhlik)



Rajah 2: Model penghayatan solat berasaskan aplikasi kaedah tafakur

Sehubungan dengan struktur di atas, aplikasi model penghayatan solat berasaskan kaedah tafakur boleh dilaksanakan seperti berikut:

- 1. Allahu Akbar**  
 Makna: Allah maha besar dari segala-galanya. Maha Besar daripada setiap perkara yang tidak berkaitan solat untuk dibawa ke dalam solat.
- 2. A'udhu billah min al-syaitani al-rajim**  
 Makna: Setiap perbuatan buruk bermula dengan lintasan hati hasil daripada hasutan syaitan yang diistilahkan sebagai *wasawis* (Ibn Qayyim, 1973). *Isti'azah* daripada syaitan membawa maksud untuk membersihkan setiap kejahatan diri yang dilakukan sama ada dalam bentuk kepercayaan atau perbuatan (Al-Razi, 1999), serta manafikan kita menyembah selain Allah bagi menyucikan diri (Ismail Haqqi, t.t.)

**Tafakur:**

**Teori** : Allah Tuhan yang Maha Berkuasa, Maha Perkasa, memberi kemenangan, menolong dan menjaga hambanya yang dikehendaki.

**Realiti** : Diri yang amat lemah dalam menghadapi hasutan syaitan, membawa pelbagai dosa ketika mengadapNya.

**Emosi** : Merasa kotor, hina dan takut dimurkai Allah dan berazam membebaskan diri dari menurut syaitan.

**Tindakan** : Memohon Allah membebaskan kita dari belenggu dosa dan menjauhkan dari memperhambakan diri kepada syaitan

**2. *Bismi Allahi al-Rahmani al-Rahim***

Makna: Bermaksud aku memulakan ketaatan yang akan dilakukan ini dengan menyebut dan mengingati Allah (s.w.t) (Al-Tabari, 2000; Al-Razi, 1999) dengan tujuan memohon taufiq dan pertolonganNya supaya agar amalan tersebut menjadi amalan yang diterima (Al-Qurtubi, 1964; Al-Sya‘rawi, 1997), sebagai persembahan kepada Allah (s.w.t) dan perhiasan untuk diri sendiri (Ismail Haqqi, t.t.). Allah adalah *al-Rahman*, pemurah kepada semua makhluknya sama ada di dunia dengan kurniaan rezeki dan kemudahan duniawi ataupun di akhirat dengan keadilan penghakimanNya (Al-Tabari, 2000), juga *al-Rahim*, penyayang kepada mereka yang beriman denganNya, di dunia dengan kurniaan kebaikan beragama dan di akhirat dengan balasan syurga (Al-Tabari, 2000). Memahami kedua-dua sifat ini akan mendorong hamba untuk sentiasa mendekati Allah (s.w.t) dan berterusan meminta daripadaNya walaupun telah banyak melakukan dosa terhadapNya (Al-Sya‘rawi, 1997). Seseorang akan memperolehi kesempurnaan dalam bacaan *Basmalah* apabila ianya benar-benar berada dalam ikatan aqidah yang benar serta amalan yang bersih dari setiap jenis syirik (Al-Razi, 1999).

**Tafakur:**

**Teori** : Solat adalah majlis hamba kembali mengadap dan mempersemprehankan diri kepada Pemiliknya, tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang untuk memohon hidayah dan taufiq Allah (s.w.t) bagi menjalani kehidupan.

**Realiti** : Kita adalah hamba yang lemah dan hina, bergelombang dengan kekotoran dosa dan kurang bersyukur.

**Emosi** : Malu dengan kekurangan dan takut diri tidak diterima, di samping mengharap supaya ibadat dan permintaan yang akan dipersembahkan menjadi ibadat dan permintaan yang diterima Allah (s.w.t).

**Tindakan** : Memohon pertolongan Allah (s.w.t) supaya memberi taufiq bagi melaksanakan ibadat sebaiknya, dengan cara mengingati dan menyebut nama Allah (s.w.t) serta menyatakan sifat yang sentiasa merahmati hambaNya sekalipun kepada hamba yang berdosa.

**3. *Alhamdu lillahi rabbi al-‘alamin***

Makna : Perkataan alam dalam bahasa Arab bermaksud petanda (Al-Qurtubi, 1964). Seluruh alam memerlukan kepada Pencipta, Pemilik, Pentadbir dan Penjaga yang mewujud dan mengekalkan kewujudannya sepanjang masa iaitu *rabb al-‘alamin* (Al-Tabari, 2000; Al-Mawardi, t.t; Al-Baghwi, 1999; Al-Baqqa‘i, t.t.; Al-Razi, 1999). Segala kehebatan yang tersurat pada alam semesta hakikatnya menyembunyikan keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t). Oleh itu hanya Allah (s.w.t) yang berhak dipuji kerana sifat keagungan dan kesempurnaanNya (Al-Qusyairi, t.t; Al-Razi, 1999). Memuji Allah (s.w.t) bukan sekadar menyebut Alhamdulillah, tetapi selepas mengenali sifat-sifat kesempurnaan dan keagunganNya, melewati perasaan kagum dengan kesempurnaan zat dan sifatnya, rasa syukur terhadap ihsan kebaikannya, mengharap belas ihsanNya di masa hadapan serta takut kepada kuasaNya yang mutlak (Al-Alusi, 1994). Bagaimanapun tiada kata yang mampu menggambarkan hakikat kebesaran dan keagungan Allah (s.w.t) ini, kerana kelemahan manusia untuk

mengenali Allah sepenuhnya (Ismail Haqqi, t.t). Sehebat kalimah pujian yang mampu diungkapkan seseorang hamba ialah dengan menggbungkan puji-pujian seluruh makhluk serta menjadikannya milik ekslusif Allah (s.w.t) (al-Nahhas, 1421H). Kesyukuran yang hakiki mengkehendaki penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah serta membebaskannya dari selain Allah (al-Tastari, 2002)

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t) adalah Pencipta, Pemilik, Pentadbir dan Penjaga seluruh alam.

Realiti : Alam terbentang luas dengan pelbagai kehebatan menjadi sumber nikmat kepada manusia.

Emosi : Mengagumi keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) dan merasai kehadiran nikmatnya pada diri sendiri dan pada semua makhluk.

Tindakan : Memuji Allah (s.w.t), Pencipta alam yang mentadbir perjalannya dengan menyatakan bahawa segala pujian dari diri sendiri dan pujian dari selainnya adalah untuk Allah (s.w.t)

#### 4. *Al-Rahmani al-Rahim*

Makna: Rujuk makna *al-Rahmani al-Rahim* dalam Bismillah. Perbezaannya, kalimah *al-Rahmani al-Rahim* dalam Bismillah bertujuan menenangkan hamba yang takut permintaannya tidak diterima supaya merasai bahawa pintu untuk memohon sentiasa terbuka dan maksiat tidak menjadi halangan untuk meminta pertolongan Allah (s.w.t) (Al-Sya'rawi, 1997). Manakala *al-Rahmani al-Rahim* di sini bertujuan mendorong hambanya untuk terus memuji Allah (s.w.t) yang sentiasa memberi rezeki dan keampunan (Al-Baqqa'i, t.t; Ismail Haqqi, t.t), iaitu dengan memperincikan pujian kepada *Rabb al-'alamin* bahawa seluruh nikmat rububiyyahNya adalah rahmat kerana diperolehi secara mudah dan tanpa bebanan (Al-Baqqa'i, t.t; Ibn 'Asyur, 1984; Al-Sya'rawi, 1997). Ia diungkapkan sebagai tanda cinta (Al-Baqqa'i, t.t; Ismail Haqqi, t.t), di samping mengharapkan

limpahan rezeki dan keampunanNya (Abu Hayyan, 1999; Al-Alusi, 1994). Ini kerana tiada apa yang lebih diharapkan oleh seseorang hamba yang lemah ketika berhadapan Tuhannya kecuali rahmatNya (Ibn 'Asyur, 1984).

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t) adalah Pencipta, Pemilik, Pentadbir dan Penjaga seluruh alam.

Realiti : Diri sendiri dan seluruh alam sentiasa menikmati rezeki daripada Allah (s.w.t), dan lebih dari itu diri sendiri dan orang yang beriman menikmati nikmat hidayah Allah (s.w.t), walaupun kita banyak melakukan kemungkaran.

Emosi : Gembira dan bersyukur untuk diri sendiri dan umat Islam di atas nikmat yang diperolehi di samping merasa malu dan bersalah serta mengharapkan keampunan dan limpahan rezeki untuk semua.

Tindakan : Memuji Allah (s.w.t), Pencipta alam yang mentadbir perjalannya dengan menyatakan bahawa segala pujian dari diri sendiri dan pujian dari selainnya adalah untuk Allah (s.w.t) yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

#### 5. *Maliki yawmi al-din*

Makna: Kalimat *rabb al-'alamin* merujuk kepada dunia dan akhirat (Ibn Kathir, 1999). *Malik yawm al-din* merupakan pelengkap kepada Rububiyyah Allah (s.w.t), Rabb yang memiliki segala sifat keagungan dan kesempurnaan (Al-Baqqa'i, t.t.; Ibn 'Asyur, 1984). Ianya membawa maksud 'Yang memiliki pemerintahan eksklusif di hari pembalasan' (Al-Tabari, 2000; Ibn 'Asyur, 1984) yang adil kepada semua makhluk (Ibn 'Asyur, 1984). Sifat Maha Pemurah dan Maha Penyayang merangkumi dunia dan akhirat, bagaimanapun di dunia hamba diuji dengan suruhan dan larangan serta musibah dari Allah (s.w.t) dan kezaliman manusia, maka setiap kekurangan dan kezaliman tersebut pasti mendapat keadilan Allah (s.w.t) di hari pembalasan (Al-Razi,

1999; Ibn ‘Asyur, 1984; Al-Sya‘rawi, 1997) dengan nikmat tertinggi. Maka dengan kalimah pujiann *Malik yawm al-din* ini, seseorang hamba mendaki tingkat kekaguman dan kesyukuran yang tertinggi justeru keyakinan bahawa segala ketentuan adalah untuk kebaikannya. Kalimah ini juga bertujuan menanam perasaan takut terhadap balasan Allah (s.w.t) (Al-Baqqa‘i, t.t.; Al-Alusi, 1994) agar mendorong kepada ketaatan (Ibn ‘Asyur, 1984; Al-Sya‘rawi, 1997) di samping membangkitkan pengharapan terhadap keampunanNya.

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Pencipta, Pemilik, Pentadbir dan Penjaga seluruh alam termasuk alam akhirat, yang akan mengadili Hari Pembalasan dengan keadilan yang sempurna serta menjanjikan balasan syurga atau neraka.

Realiti : Sebagai hamba kita diuji dengan suruhan, larangan dan kadang kala ditimpa musibah dari Allah (s.w.t). Begitu juga dengan kezaliman manusia.

Emosi : Gembira dan bersyukur untuk diri sendiri dan umat Islam di atas nikmat keadilan yang akan diperolehi di akhirat di samping merasa bersalah dan takut kerana berbuat dosa serta mengharapkan keampunan dan balasan syurga

Tindakan : Memuji Allah (s.w.t), Pencipta alam yang Maha Adil dalam mentadbir hari pembalasan dengan menyatakan bahawa segala pujiann dari diri sendiri dan pujiann dari selainnya adalah untuk Allah (s.w.t) Pemerintah di Hari Pembalasan.

## 6. *Iyyaka na ‘budu wa iyyaka nasta ‘in*

Makna: Secara hakikatnya setiap puji-pujiann yang dipanjatkan kepada Allah dalam ayat sebelumnya adalah ekspresi hasil daripada ilmu mengenal Allah (s.w.t), ilmu yang membangkitkan pelbagai perasaan termasuk kagum terhadap kebesaran dan kesempurnaan Allah (s.w.t), syukur dengan rahmatnya, mengharapkan keampunanNya serta takut

dengan balasanNya (Al-Zamakhsyari, 1986; Al-Alusi, 1994). Kembali melihat diri sendiri selepas mengenali betapa agung dan sempurna Allah (s.w.t) dengan sifat-sifat Rububiyyah, Rahmat serta Pemerintah Hari Pembalasan, membangkitkan kesedaran tentang kedudukan kehambaan total semua makhluk. Kesedaran ini akan mendorong kepada ikrar pengakuan berhubung perlunya diri sendiri dan para muwahhidin untuk tunduk meyerah, khusyuk dan hina sepenuhnya kepada Allah (s.w.t), dan di samping pada masa yang sama menyedari serta berikrar mengakui kelemahan diri sendiri dan para mukmin yang lain dalam menunaikan hak Allah (s.w.t) secara sempurna (al-Tabari, 2000; Al-Zamakhsyari, 1986; Al-Qurtubi, 1964; Abu Hayyan, 1999; Al-Baqqa‘i, t.t; Ibn ‘Asyur, 1984). Tujuan menggabungkan para muwahhidin yang lain dalam ikrar tersebut adalah supaya ianya diterima disebabkan keberkatan jamaah (Ismail Haqqi, t.t), juga bagi mengelak daripada berbohong lantaran kekurangan diri sendiri dalam pelaksanaan ibadah serta kecenderongan mendapatkan bantuan orang lain (Al-Alusi, 1994). Mengenali Allah (s.w.t) melalui sifat-sifat keagungan dan kesempurnaanNya akan membawa seseorang mendekati Allah (s.w.t) dan kemuncaknya ialah maqam Ihsan. Maka melalui pancaran cahaya keimanan dari Allah, mata hati akan mampu melihat seolah-olah Allah berada di hadapannya. Justeru itu, kehambaan dan kebergantungan diri tersebut diikrarkan menggunakan kata ganti nama kedua “engkaulah” (Ismail Haqqi, t.t.; Al-Alusi, 1994; Al-Sya‘rawi, 1997). Ketika ini seseorang hamba akan diselubungi perasaan lemah, serba kekurangan serta memerlukan pertolongan dan penjagaan Allah (s.w.t) (Al-Baqqa‘i, t.t; Al-Alusi, 1994)

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Pencipta, Pemilik, Pentadbir dan Penjaga seluruh alam serta Pemerintah di Hari Pembalasan adalah Tuhan Yang Maha Esa tiada tuhan selainNya, Maha Agung lagi Maha Sempurna, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Maha Berkuasa

di atas segalanya.

Realiti : Kita semua adalah ciptaan Allah, hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan hina.

Emosi : Merasa dekat dengan Allah (s.w.t), tunduk dan khusyuk kepada semua kehendak Allah (s.w.t) serta mengharapkan belas kasihan Allah (s.w.t) bagi menunaikan tanggungjawab kehambaan untuk diri sendiri dan para mukmin yang lain.

Tindakan : Berikrar di hadapan Allah (s.w.t) mengakui kehambaan seluruh orang beriman dan keperluan semua kepada pertolonganNya.

## 7. *Ihdina al-sirat al-mustaqim*

Makna : Aspek rohani manusia terdiri dari dua elemen iaitu elemen intelek dan elemen motivasi. Selari dengan kedudukan ini terdapat dua kategori hidayah dalam kehidupan beragama yang diperlukan untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat (Ibn Qayyim, 1989). Pertama, hidayah berbentuk penjelasan dan petunjuk berhubung *al-sirat al-mustaqim* yang disampaikan melalui para Rasul kepada keseluruhan umatnya dan kedua, hidayah berbentuk ilham yang sahih kepada orang yang beriman sebagai taufiq dan pertolongan Allah (s.w.t) kepada mereka agar sentiasa berada di atas *al-sirat al-mustaqim* dan berterusan mengamalkannya dengan peningkatan ke arah yang lebih baik (Ibn Asyur, 1984; Al-Sya'rawi, 1997). Hidayah kategori pertama lebih kepada bebentuk pengetahuan untuk memenuhi keperluan intelek dan jalan hidayah ini telahpun disediakan untuk semua. Manakala hidayah kategori kedua merujuk kepada keperluan motivasi bagi membangkitkan semangat untuk mengikuti jalan yang telah disediakan. Oleh itu maksud memohon hidayah dalam konteks ayat bermaksud memohon taufiq Allah (s.w.t) (Al-Tabari, 2000; al-Qusyairi, t.t.; al-Baghwi, 1999; Al-Razi, 1999; Ibn Qayyim, 1989, Ismail Haqqi, t.t.; Al-Alusi, 1994, Ibn Asyur, 1984; Al-Sya'rawi, 1997). Taufiq ini merupakan kekuatan iman yang menjadikan seseorang mencintainya, menghiasi diri dengannya serta memberi kesan kepada dirinya (Ibn Qayyim, 1989). Ilham

Allah (s.w.t) yang mencetuskan kekuatan iman tersebut dikenali sebagai ilmu hati atau ilmu universal yang dianugerahkan Allah (s.w.t) kepada hambanya yang menyucikan diri (Bilal, 2010). Ianya termasuk ilmu berkaitan keupayaan untuk mengenali Allah (s.w.t) dan sifat-sifatNya, mengetahui akhlak wasatiyah dalam melaksanakan amalan, memiliki hati dan pemikiran yang sentiasa mengingati Allah, mampu menangani hasutan syaitan dan sebagainya (Al-Razi, 1999, Ismail Haqqi, t.t.). Ayat ini merupakan penjelasan kepada ayat sebelumnya berkaitan doa memohon pertolongan Allah (s.w.t) untuk diri pembaca dan para muwahhidin (Ismail Haqqi, t.t.; Al-Alusi, 1994). Oleh itu ianya juga dibaca dengan kata gantinama jamak ‘kami’ dengan harapan apabila Allah (s.w.t) memperkenankan doa tersebut bagi mana di kalangan orang yang beriman, maka juga akan memperkenankannya untuk yang lain (Al-Razi, 1999)

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Yang Maha Berkuasa lagi Maha Berkehendak menentukan segala-galanya, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang, Yang menurunkan syariat sebagai petunjuk jalan yang lurus, jalan kejayaan dunia dan akhirat.

Realiti : Kita semua adalah ciptaan Allah, hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dalam melaksanakan syariatNya.

Emosi : Mengharapkan taufiq Allah (s.w.t) kepada semua yang beriman supaya sentiasa berada di atas syariat Allah (s.w.t) dalam setiap urusan agar memperolehi kejayaan dunia dan akhirat, serta takut amalan tidak diterima.

Tindakan : Memohon petunjuk untuk semua yang beriman agar sentiasa berada di atas jalan yang lurus.

## 8. *Sirat al-ladhina 'an 'amta 'alayhim, Ghairi al-maghidubi 'alayhim, Wa la al-dallin*

Makna: Keseluruhan ayat ini adalah penjelasan kepada maksud *al-sirat al-mustaqim* (al-Tabari, 2000; Al-Zamakhsyari, 1986; Al-Qurtubi, 1964).

Antara tujuannya ialah merayu kepada Allah (s.w.t) dengan menjelaskan kemuliaanNya yang telahpun mengurniakan nikmat hidayah *al-sirat al-mustaqim* kepada meraka yang lain iaitu para nabi, *siddiqin*, para syahid, dan meraka yang saleh dengan harapan ianya juga dikurniakan kepada diri kita dan para mukmin yang lain (Abu Hayyan, 1999; Ibn 'Asyur, 1984). Kemudiannya dijelaskan lagi sifat mereka yang dianugerahkan nikmat *al-sirat al-mustaqim* (al-Tabari, 2000; Ibn 'Asyur, 1984) sebagai bukan di kalangan mereka yang paling dimurkai iaitu golongan Yahudi yang mengetahui kebenaran tetapi tidak melaksanakannya. Seterusnya sebagai tambahan dijelaskan pula bahawa mereka yang dianugerahkan nikmat tersebut tidak sahaja bukan di kalangan yang paling dimurkai Allah (s.w.t), bahkan meraka juga bukan juga dari kalangan golongan yang sesat iaitu kaum Nasrani yang jahil tentang kebenaran walaupun kurang dimurkai Allah berbanding golongan Yahudi (Al-Razi, 1999; Ibn Qayyim, 1989; Al-Baqqa'i, t.t; Ibn 'Asyur, 1984). Tambahan golongan yang dimurkai dan golongan yang sesat di samping mereka yang diberi nikmat bertujuan melengkapkan emosi seseorang ketika berdoa bagi membangkitkan perasaan takut di samping rasa berharap (Al-Razi, 1999; Al-Baqqa'i, t.t).

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t) Tuhan Yang Maha Berkuasa lagi Maha Berkehendak menentukan segala-galanya, telah mengurniakan nikmat *al-sirat al-mustaqim* kepada mereka yang dikehendakinya serta membebaskan mereka dari jalan golongan yang dimurkai dan golongan yang sesat.

Realiti : Kita semua adalah ciptaan Allah, hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan amat memerlukan sebagaimana yang mereka yang mendapat nikmat memperolehinya.

Emosi : Mengharapkan supaya Allah (s.w.t) mengurniakan perkara yang sama kepada diri sendiri dan para mukmin yang lain di samping takut tergolong dalam golongan

yang dimurkai bahkan juga golongan yang sesat serta berazam mengikuti langkah mereka yang diberi nikmat tersebut.

Tindakan : Memohon dikurniakan jalan sebagaimana yang telah dikurniakan kepada mereka yang diberi nikmat.

## 9. Rukuk

Makna : Pembacaan surah al-Fatiha menggambarkan perjalanan hamba menyaksikan keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) yang membangkitkan emosi kehambaan, tunduk khusuk serta mengharap hidayahNya. Emosi ini seterusnya mendorong untuk dizahirkan secara fizikal dengan menunjukkan penghayatan lebih sempurna terhadap kegungan Allah (s.w.t) dan penghinaan diri sendiri berbanding sebelumnya iaitu melalui rukuk (Ibn Rajab, t.t, Al-Qastalani, 1995; Al-Muhasibi, 1986). Seiringan dengan penghayatan tersebut, pujian kepada Allah (s.w.t) ditambah pula dengan menafikan segala kekurangan pada keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) (Al-Qastalani, 1995). Ia juga menggambarkan keadaan hamba yang tercari-cari rahmat di sisi Allah (s.w.t) yang dipohon sebelumnya (Al-Razi, 1999) dengan penuh pengharapan untuk mendapatkan rahmatNya (Al-Qastalani, 1995).

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Tuhan Yang Maha Agung dan Sempurna, Maha Suci dari segala kekurangan, Maha Berkuasa dan Maha Berkehendak, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Realiti : Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan hina, amat memerlukan rahmat hidayah jalan yang lurus

Emosi : Tunduk kepada keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) berbanding segala-galanya, merasai kelemahan dan kehinaan diri serta mengharapkan belas ihsan rahmat Allah (s.w.t).

Tindakan : Rukuk dan berzikir menafikan segala kekurangan bagi Allah (s.w.t), merayu rahmat Allah (s.w.t) untuk

mengurniakan jalan yang lurus.

#### 10. I'tidal

Dalam surah al-Fatiyah dan rukuk, hamba memuji kebesaran Allah (s.w.t), dan Allah (s.w.t) menjawab setiap pujian hambaNya (Al-Qastalani, 1997). Ini sebagaimana dijelaskan bahawa Allah membahagikan surah al-Fatiyah di antaraNya dan hambaNya kepada dua di mana Allah menjawab setiap bacaan (Muslim, t.t.). Dalam I'tidal seseorang hamba memberitahu para mukmin yang lain bahawa Allah mendengar pujian mereka dengan harapan Allah juga mendengar pujiannya, percaya dan yakin dengan konsep sesungguhnya Allah sentiasa membantu hambaNya selagimana hambaNya membantu hambaNya yang lain (Al-Razi, 1999).

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Tuhan Yang Maha Agung dan Sempurna, Maha Mendengar dan Menjawab setiap pujian, Pemilik segala segala-galanya dan kepadaNya kita kembali.

Realiti : Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan hina, amat memerlukan rahmat hidayah jalan yang lurus.

Emosi : Mengharapkan Allah (s.w.t) menerima pujian kita dan memakbulkan permintaan. Menyedari bahawa segala-galanya adalah milik Allah dan kepadaNya semuanya akan kembali.

Tindakan : Berdiri dan memberitahu bahawa para mukmin bahawa Allah mendengar pujian mereka serta terus memujiNya.

#### 11. Sujud

Makna : Sujud adalah tahap mengagungkan Allah (s.w.t) dan kesyukuran paling tinggi serta penghinaan diri dan pengharapan paling sempurna (Al-Qastalani, 1995, Al-Razi, 1999).

Ketika sujud seseorang hamba berada paling dekat dengan Tuhannya. Ini kerana selepas menghayati bahawa Allah (s.w.t) mendengar setiap pujian dan memahami bahawa segalanya adalah milik Allah (s.w.t) dan kita semua akan

kembali kepadaNya akan menambahkan rasa tunduk kepada keagungan Allah (s.w.t) serta rasa tamak pada rahmatNya. Ini seterusnya mendorong menunjukkan rasa tunduk tersebut dengan perbuatan di samping rasa mengharap yang teramat sangat kepada rahmat Allah.

Tafakur:

Teori : Allah (s.w.t), Tuhan Yang Maha Agung dan Maha Sempurna, Maha Suci dari segala kekurangan, Maha Berkuasa dan Maha Berkehendak, Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta amat dekat dengan hambaNya.

Realiti : Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan hina, amat memerlukan rahmat hidayah jalan yang lurus.

Emosi : Tunduk kepada keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) berbanding segala-galanya, merasai kelemahan dan kehinaan diri serta menghara sepenuhnya kepada belas ihsan rahmat Allah (s.w.t).

Tindakan : Sujud dan berzikir menafikan segala kekurangan bagi Allah (s.w.t) Tuhan Yang Maha Tinggi berbanding segalanya di samping merayu rahmat Allah (s.w.t) supaya mengurniakan jalan yang lurus dengan lebih bersungguh-sungguh.

#### 12. Duduk antara dua sujud

Makna: Sujud mengingatkan kehinaan dan kelemahan diri serta keperluan kepada Allah (s.w.t) dalam segala perkara, di samping menyedari dosa dan maksiat yang dilakukan (Al-Qastalani, 1995, Ibn Qayyim, 2004). Dalam duduk antara dua sujud adalah anugerah kemuliaan yang melambangkan penerimaan Allah (s.w.t) kepada hambaNya yang telah tunduk secara total kepadaNya, untuk duduk berhadapan denganNya sambil mengakui segala kekurangan dan kesalahan dan memohon segala kebaikan daripada Allah (s.w.t) (Al-Razi, 1999; Ibn Qayyim, 2004).

Tafakur:

Teori : Allah Tuhan yang Maha Berkuasa dan Maha Berkehendak,

Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi, Maha Pengampun dan Maha Pemberi, memuliakan kita untuk duduk di hadapanNya.

**Realiti :** Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan, banyak berdosa dan memerlukan segala-galanya daripada Allah (s.w.t) untuk berjaya di dunia dan di akhirat.

**Emosi :** Gembira dengan penerimaan Allah (s.w.t) dan mengharapkan segala-galanya daripadaNya serta takut permintaan tidak diterima.

**Tindakan :** Mengambil kesempatan berdoa memohon keampunan dosa yang telah berlaku, rahmat, pembetulan, diangkat darjah, rezeki, hidayah dan keampunan dosa yang akan berlaku untuk diri sendiri.

## 12. Sujud kedua

**Makna:** Semasa duduk antara dua sujud, kita mengambil kesempatan memohon pelbagai bantuan daripada Allah (s.w.t). Bagaimanapun dengan dosa-dosa yang dibawa bersama dalam mengadap Allah (s.w.t) membangkitkan rasa bersalah dan takut permohonan tidak diperkenankan.

Tafakur:

**Teori :** Allah (s.w.t), Tuhan Yang Maha Agung dan Sempurna, Maha Suci dari segala kekurangan, Maha Berkusa dan Berkehendak, Maha Pemurah lagi Penyayang, Maha Pengampun serta amat dekat dengan hambaNya.

**Realiti :** Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan dan hina, serta banyak melakukan dosa.

**Emosi :** Tunduk kepada keagungan dan kesempurnaan Allah (s.w.t) berbanding segala-galanya, merasai kelemahan dan kehinaan diri serta mengharapkan keampunanNya.

**Tindakan :** Sujud dan berzikir menafikan segala kekurangan bagi Allah (s.w.t) Tuhan Yang Maha Tinggi berbanding segalanya di samping merayu keampunan daripada Allah (s.w.t).

## 13. Tahiyyat

**Makna :** Duduk ketika tahiyyat akhir, penamat kepada mikraj hamba bertemu Allah (s.w.t) setelah berjaya melalui proses pembersihan jiwa. Ia adalah bacaan Baginda SAW dalam peristiwa mikrajnya bertemu Allah (s.w.t) (Al-Razi, 1999). Sekali lagi hamba dikurniakan kemuliaan duduk berhadapan Allah (s.w.t) sebelum berpisah dengan penuh kesedaran mengakui bagawa segala-galanya adalah milik Allah serta reda dengan ketentuannya. Dalam kesempatan terakhir ini hamba mendoakan kesejahteraan kepada Nabi Muhammad SAW, para solehin, diri sendiri dan semua orang yang beriman (Ibn Qayyim, 2004), memperbaharui Shahadahnya bagi menunjukkan ianya benar-benar ikhlas berkehendakan kepada Allah (s.w.t) (al-Muhasibi, 1986) dan seterusnya menutup permohonan dengan bersolawat sebagai tawasul kepada Baginda SAW dan ahli keluarga Baginda sebaik-baiknya (Ibn Qayyim, 2004) memberi penekanan bahawa Allah pernah memberikan perkara yang sama kepada Nabi Ibrahim AS dan keluarga Baginda agar permohonan diterima Allah (s.w.t) (Ibn 'Asyur, 1984).

Tafakur:

**Teori :** Allah Tuhan yang Maha Agung dan Maha Sempurna, Maha Berkusa dan Maka Berkehendak, Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi, memuliakan kita untuk duduk di hadapanNya sebelum berpisah denganNya.

**Realiti :** Kita hamba-hambaNya yang lemah, serba kekurangan, banyak berdosa dan sentiasa memerlukan Allah (s.w.t) untuk berjaya di dunia dan di akhirat. Kita telah berusaha sebaiknya untuk mendapatkan hidayahNya di dalam solat.

**Emosi :** Gembira dengan penerimaan Allah (s.w.t), akan reda dengan segala keputusan tetapi masih mengharap yang terbaik serta takut dan bimbang jika segala usaha yang dilaksanakan bagi memohon hidayah Allah (s.w.t) tidak diperkenankan.

Tindakan : Menjelaskan bahawa: (1) segala kebaikan milik Allah; (2) memberi salam kepada Nabi SAW dan sekelian para salihin manusia, jin dan malaikat dengan harapan kita mendapat kebaikan jawapan salam dari Allah bagi setiap mereka; (3) Membaca dua kalimah shahadah dengan penuh ikhlas bagi menunjukkan kita benar-benar ikhlas memerlukan pertolongan Allah; (4) Selawat ke atas Nabi SAW, sebagai penutup doa dengan harapan apabila Allah (s.w.t) menerima selawat kita, maka Allah juga akan menerima setiap yang kita laksanakan sebelum selawat.

#### 14. Salam

Makna : Salam sejahtera, semoga permintaan untuk kesejahteraan semua diperkenankan Allah (s.w.t). Dengan harapan sekiranya Allah (s.w.t) memakbulkan untuk mana-mana dikalangan kita, Allah akan makbulkan untuk semua.

### Kesimpulan

Kesempurnaan ibadat solat melibatkan hubungan emosi hamba terhadap TuhanYa. Dalam solat seseorang hamba berinteraksi dengan Allah (s.w.t) melalui penghayatan sifat-sifat Allah (s.w.t) di samping memahami keadaan diri yang serba kekurangan. Dalam penghayatan ini seseorang akan menelusuri pelbagai emosi bermula dengan mengagungkan Allah (*al-ta ‘azim*) dalam takbir; mengharapkan pertolongan dalam basmalah; mengagung dan mentauhidkanNya dalam bacaan *Alhamdulillah* hingga *Maliki yawmi al-din*, yang membawa kepada takut (*al-khawf*) bimbang, dan taubah; seterusnya mentauhid dan mengharap (*al-raja’*) dalam *Iyyaka na ‘budu wa iyyaka nasta ‘in*; mengharapkan rahmatNya dengan perasaan semakin memuncak dalam *Ihdina al-Sirat al-Mustaqim* hingga *Wala al-Dallin*, hingga membawa perasaan hina dan tunduk (*al-khudu’*) kepada keagungan dan kehendak Allah (s.w.t); seterusnya rasa ini disambut dengan rukuk sambil manafikan segala kekurangan bagi Allah, mengharapkan rahmatNya serta bimbang

ianya tidak dipenuhi; hingga ditengangkan dalam *Sami ‘a Allahu liman hamidah*, yang kemudiannya disambut dengan rasa syukur *Rabbana laka al-Hamd* bahawa segala-galanya milik Allah (s.w.t), yang membangkitkan rasa rasa hina dan tunduk yang lebih hebat kepada keagungan Allah (s.w.t) hingga mendorong ekspresi ketundukan yang lebih ekstrim iaitu sujud, yang menyedarkan kedudukan diri sebagai hamba yang serba lemah dan kurang secara total, serta membangkitkan pengharapan yang lebih tinggi; dengan anugerah kemuliaan untuk duduk meminta, mendorong hamba meminta segala-galanya, di mana rasa perlu dan mengharap yang bersanggatan supaya permintaan dimakbulkan membangkitkan pula rasa takut sekiranya dosa yang dilakukan menjadi penghalang ianya diterima; hingga mendorong untuk sujud kali kedua sambil mengagungkan Allah (s.w.t), menghina diri dan bertaubat memohon keampunanNya; akhirnya setelah segala usaha dilakukan, sekali lagi menggunakan peluang terakhir untuk mengadu dan meminta sebelum berpisah dan meninggalkan solat, menggunakan kaedah meminta yang lebih ekstrim, dengan memperlihatkan kebaikannya memohon kesejahteraan untuk Nabi SAW dan sekelian solehin, menegaskan keperluaanNya kepada Allah (s.w.t) melalui dua kalimah Shahadah, dan bersolawat kepada Nabi Muhammad SAW ahli keluarga baginda; serta di akhiri memohon kesejahteraan iaitu salam kepada para malaikat, ahli jamaah dan sekelian mukmin. Kesimpulan ini ditulis tanpa menggunakan noktah bagi menggambarkan ianya berlaku secara terus menerus. Adalah dicadangkan supaya diadakan kajian seterusnya bagi mengkaji kesan pelaksanaan model ini untuk mengenalpasti kaedah terbaik kepada pelaksanaannya. Buat masa ini model ini lebih sesuai dilaksanakan diperingkat pengajian tinggi. Kajian untuk memudahkanNya juga boleh dilakukan bagi mencadangkan sebuah model untuk peringkat menengah.

### Rujukan

Abu Hayyan, M.Y.A. (1999). Al-Bahr al-Muhit

- fi al-Tafsir. Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon.
- Al-Alusi, S. M. A. (1994). Ruuh al-Ma‘aani fi Tafsir al-Quraan al-‘Azim wa al-Sab‘ al-Mathani. Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Baghwi, A. M. A. M. (1999). Ma‘aalim al-Tanzil fi Tafsir al-Quraan. Dar al-‘Ihyaa’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut, Lebanon.
- Al-Bani, M. N. (2003). Al-Ta‘liqaat al-Hassan ‘Ala Sahih Ibn Hibbaan. Dar Bawazir, Jeddah, Saudi Arabia.
- Al-Baqqa‘i, A. B. I. U. (t.t.) Nazam al-Durar fi Tanasub al-Ayaat wa al-Suwar. Dar al-Kitab al-Islami, Cairo, Egypt.
- Al-Ghazali, A. H. M. B. M. (t.t.) Ihyaa’ ‘Ulum al-Din. Dar al-Ma‘rifah, Beirut, Lebanon.
- Al-Mawardi, A. H. A. M. (t.t.) al-Nukt wa al-‘Uyuun. Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Muhasibi, A. A. A. A. (1986) al-Wasaaya. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Naysaburi, Nizamuddin al-Hasan bin Muhammad. (1995). Gharaa‘ib al-Quran wa Raghaa‘ib al-Furqan. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Qastalani, Q. D. M. A. (1995). Marasid al-Salah fi Maqaasid al-Salat. Dar al-Fadilah, Cairo, Egypt.
- Al-Qurtubi, S. M. A. (2003). Al-Jam‘ Li’ahkam al-Quran. Dar ‘Alim al-Kutub, Riyad.
- Al-Qusyairi, A. K. H. (t.t) Lata‘if al-‘Isyaraat. Al-Hay‘ah al-Misriyah al-‘Ammah li al-Kitab, Egypt.
- Al-Razi, F. M. B. U. (1999). Mafatih al-Ghayb, Dar al-‘Ihyaa’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut, Lebanon.
- Al-Suyuti, Jalaluddin Abd Rahman bin Abu Bakr (1983) al-Durr al-Manthur fi al-Ta’wil bi al-Ma‘thur. Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon.
- Al-Sya‘rawi, M. M. (1997) Tafsir al-Sya‘rawi. Matabi‘ Akhbar al-Yaym, Cairo, Egypt.
- Al-Tastari, A. M. S. A. (2002). Tafsir al-Tastari. Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- Al-Zamakhsyari, A. Q. M. U. (1986). al-Kasysyaf ‘An Haqa‘iq Ghawamid al-Tanzil. Dar al-Kitab al-‘Arabi. Beirut, Lebanon.
- Bilal, K. (2010). Illuminative Knowledge in Mawlana Rumi. In Wan Mohd Nor Wan Daud & Muhammad Zainy Uthman. (Eds.), Knowledge, Language, Thought and The Civilization of Islam (pp. 135 – 162). Penerbit UTM, Skudai, Johor, Malaysia.
- Hamdi Rahman, M.Y., Sofian Sauri, H., & Nurul Naim, A. R. (2012). Development of Science Spiritual Model for Pre-school Education. Global Journal Al Thaqafah, 2(1) 23-34. doi : 10.7187/GJAT112012.02.01
- Ibn ‘Asyur, M. T. A. (1984). Al-Tahrir wa al-Tanwir. Dar al-Tunsiyah, Tunis, Tunisia.
- Ibn Kathir, A. I. U. (1999). Tafsir al-Quran al-‘Azim. Dar al-Kitab al-Islami, Cairo, Egypt.
- Ibn Qayyim, M. A. B.A. (1989). Tafsir al-Qayyim. Dar wa Maktabah al-Hilal. Beirut, Lebanon.
- \_\_\_\_\_. (1973). al-Fawa‘id. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.
- \_\_\_\_\_. (2004) Asrar al-Salat wa al-Sama‘. Dipetik dari <http://saaid.net/book/open.php?cat=87&book=1716>.
- \_\_\_\_\_. (t.t. a). Ighathah al-Lahfan min Masayid al-Syaitan. Maktabah al-Ma‘arif, Riyadh, Saudi Arabia.

\_\_\_\_\_. (t.t. b). *Miftah Dar al-Sa‘adah wa Mansyur Wilayah al-‘Ilm wa al-‘Iradah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.

Ibn Rajab, A.R.A.A. (t.t.). *Al-Dhul wa al-Inkisar li al-‘Aziz al-Jabbar*. Maktabah al-Quran, Cairo, Egypt.

Ibn Taymiyah, T. A. B. A. H. (1987). *Al-Fatawa al-Kubra li Ibn Taymiyah*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Beirut, Lebanon.

\_\_\_\_\_. (1995). *Majmu‘ Al-Fatawa. Mujamma‘ Malik Fahd*, Madinah, Saudi Arabia.

\_\_\_\_\_. (1993). *Al-‘Iman*. Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Lebanon.

Isma‘il Haqqi, M. A. (t.t). *Ruh al-Bayan*. Dar al-Fikr, Beirut, Lebanon.

Malik, B. (2000). *Contemplation, an Islamic Psychospiritual Study*. Medeena Books, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muslim, M.H.A. (t.t.). *Sahih Muslim*. Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, Beirut, Lebanon.